

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI MAKLUMAT
DALAM PTV
KOD KURSUS : BBH 31202
PROGRAM : 3 BBV
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014
MASA : 2 JAM
ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN
DI BAHAGIAN A DAN B.
B) JAWAB SATU (1) SOALAN
SAHAJA DI BAHAGIAN C

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LAPAN (8)** MUKA SURAT

SULIT


BAHAGIAN A

- S1** Peranti input di bawah adalah merupakan peranti penuding (pointing device) kecuali
- bebola jejak (trackball)
 - papan kekunci (keyboard)
 - papan pendigit (digitize board)
 - tetikus optik(optical mouse)
- S2** Manakah antara berikut merujuk kepada undang-undang siber yang telah diluluskan oleh Parlimen ?
- Akta Tandatanganan Digital 1998
 - Akta Teleperubatan 1998
 - Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
 - Akta Jenayah Komputer 1998
- S3** Antara berikut yang manakah menunjukkan fungsi teknologi maklumat.
- Pemadatan maklumat
 - Mendapatkan semula maklumat
 - Penghapusan maklumat
 - Penyusunan maklumat
- S4** Antara berikut adalah benar mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kecuali
- perhubungan yang dilakukan dengan perkataan, surat atau mesej, pertukaran fikiran atau pendapat melalui hubungan dua hala
 - rangkaian komunikasi digunakan untuk menerima, menyimpan, memproses dan mempersembahkan data dan maklumat
 - kefahaman dan keprihatinan kepada set maklumat dan bagaimana maklumat tersebut digunakan sebaiknya
 - memahami bila hendak menggunakan teknologi maklumat untuk menyelesaikan masalah dan mengeksploitasikan peluang
- S5** Manakah antara berikut merupakan jenis asas output ?
- Maklumat
 - Teks
 - Data
 - Perkataan

- S6** Pilih pernyataan yang benar mengenai monitor jenis paparan panel rata (LCD monitor).
- A. Harganya lebih murah
 - B. Mempunyai sudut pandangan yang lebih baik
 - C. Menggunakan tenaga yang lebih efisien
 - D. Menggunakan ruang kerja yang lebih luas
- S7** Peranti imbasan menterjemah imej teks, lukisan, gambar dan yang serupa dengannya kepada bentuk digital untuk dimasukkan secara langsung ke komputer. Manakah antara berikut merupakan peranti pembaca imbasan menggunakan kaedah pengecaman optik ?
- A. Pembaca aksara dakwat magnetik (magnetic ink character reader (MICR)) dan pembaca aksara optik (optical character recognition(OCR))
 - B. Pembaca kad pintar dan pembaca tulisan tangan optik
 - C. Pembaca kod palang (bar code reader) dan pembaca tanda optik (optical mark recognition(OMR))
 - D. Mesin faks dan peranti pengecaman suara optik
- S8** _____ direka bentuk supaya mesra pengguna dan mengurangkan penggunaan peralatan input secara fizikal.
- A. Papan kekunci tanpa wayar
 - B. Papan kekunci maya
 - C. Papan kekunci permainan
 - D. Papan kekunci ergonomik
- S9** Apakah yang dimaksudkan dengan sistem pengoperasian ?
- A. Antara muka antara perkakasan dan perisian aplikasi
 - B. Satu set aturcara yang mengawal dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti sumber-sumber perkakasan dan perisian komputer
 - C. Sejenis perisian komputer yang digunakan untuk memproses input
 - D. Suatu sistem yang menghubungkan sekumpulan komputer dan peranti sokongan yang lain seperti pencetak dan pengimbas
- S10** Tujuan storan adalah
- A. menyimpan maklumat secara kekal atau separa kekal
 - B. menyimpan teks, grafik dan audio
 - C. menyimpan mesej dan arahan
 - D. menyimpan arahan dan maklumat secara kekal
- S11** Pemplot jenis ini mempunyai kelajuan yang lebih pantas dan kualiti yang lebih tinggi berbanding pemplot lain. Apakah nama pemplot ini ?
- A. Pemplot terma (thermal printer)
 - B. Pemplot elektrostatik (electrostatic plotter)
 - C. Pemplot pancut dakwat (ink jet plotter)
 - D. Pemplot laser (laser plotter)

- S12** Manakah antara berikut benar mengenai perisian sistem ?
- Perisian pemprosesan perkataan adalah merupakan salah satu perisian sistem
 - Perisian sistem merujuk kepada sistem pengoperasian sahaja
 - Perisian sistem merupakan perisian yang digunakan untuk menjalankan tugas-tugas tertentu
 - Perisian sistem terdiri daripada sistem pengoperasian dan program utiliti
- S13** _____ adalah perisian yang boleh dimuat turun oleh pengguna bagi tujuan penggunaan secara percuma bagi tempoh tertentu.
- Perisian bersepadu (integrated software)
 - Set perisian (software suite)
 - Perisian *freeware* (freeware software)
 - Perisian *shareware* (shareware software)
- S14** Pilih pernyataan yang salah tentang perisian pemprosesan perkataan (word processing).
- Notepad* merupakan perisian pemprosesan perkataan
 - Perisian yang digunakan untuk pemprosesan maklumat
 - Perisian *microsoft office* merupakan perisian pemprosesan perkataan
 - Data boleh dimasukkan ke dalam baris dan lajur tertentu dengan menggunakan jadual (table)
- S15** Pilih fungsi-fungsi sistem pengoperasian yang betul.
- Menguruskan ingatan.
 - Menguruskan perkakasan.
 - Menguruskan perisian sistem dan program utiliti.
 - Menyediakan antara muka pengguna.
- I dan II
 - II dan III
 - I, II dan IV
 - I, II, III dan IV
- S16** Pernyataan manakah yang benar mengenai ingatan jenis ROM ?
- Data yang disimpan adalah kekal.
 - Data yang disimpan boleh diubah dan dihapuskan.
 - Data yang disimpan tidak boleh diubah dan dihapuskan.
 - Data yang disimpan akan hilang apabila komputer dimatikan.
- I dan III
 - I dan IV
 - I, III dan IV
 - I, II, III dan IV

S17 Rajah S17 merujuk kepada jenis topologi, _____.



Rajah S17

- A. Topologi Pokok
 B. Topologi Bas
 C. Topologi Gelang
 D. Topologi Bintang
- S18 Antara berikut yang manakah maksud topologi rangkaian yang tepat.
- A. Susunan atau konfigurasi fizikal komputer dengan komputer lain dan peranti sokongan lain dalam sesuatu rangkaian
 B. Susunan komputer yang digunakan untuk membuat analisis, perhitungan, perancangan dan permodelan dalam sesuatu rangkaian komputer
 C. Susunan komputer yang digunakan bagi tujuan untuk memudahkan penerbitan dan percetakan dalam rangkaian
 D. Susunan yang menghubungkan sekumpulan komputer dengan peranti sokongan yang lain
- S19 Mengapakah seseorang pengguna komputer perlu mematuhi kod etika penggunaan komputer ?
- I Memastikan hak pengguna komputer lain dihormati.
 II Memastikan kesahihan data dan maklumat dipercayai.
 III Mengurangkan pelanggaran isu hak cipta.
 IV Menjamin penulis dapat berkarya dengan lebih banyak dan selesa.
- A. I, II dan III
 B. I, III dan IV
 C. II, III dan IV
 D. I, II, III dan IV

- S20** Pilih pernyataan yang benar tentang topologi bintang.
- I Pengantaran data lebih laju jika kurang nod di dalam rangkaian.
 - II Mudah diubahsuai dan ditambah bilangan nod.
 - III Sebarang kerosakan pada nod tidak mengganggu keseluruhan rangkaian.
 - IV Sebarang kerosakan pada nod dapat dikesan dengan mudah dan pantas.
-
- A. I dan III
 - B. I, II dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

BAHAGIAN B

- S1** Anda diminta oleh pengetua sekolah anda untuk menerangkan perkakasan dan perisian komputer kepada guru-guru baru yang mendaftar di sekolah anda.
- (a) Nyatakan maksud perkakasan komputer bagi peranti output. (2 markah)
- (b) Jelaskan empat (4) perkakasan komputer bagi peranti input yang sering digunakan di sekolah anda. (8 markah)
- (c) Terangkan dengan menggunakan gambar rajah hubungan antara unit kawalan (control unit), unit arithmetik logik (Arithmetic Logic Unit) dan ingatan (memory) dalam unit pemrosesan pusat dan jelaskan fungsi-fungsinya. (10 markah)
- S2** Perisian boleh dikategorikan kepada perisian sistem dan perisian aplikasi. Perisian sistem boleh dibahagikan kepada sistem pengoperasian, atur cara utiliti, pemacu peranti dan penterjemah bahasa.
- (a) Nyatakan maksud perisian aplikasi. (2 markah)
- (b) Jelaskan dengan menggunakan contoh aktiviti tiga (3) perisian aplikasi yang boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (3 markah)
- (c) Tunjukkan lima (5) fungsi bagaimana sistem pengoperasian menjalankan tugasnya bagi memastikan komputer dapat berfungsi dengan efektif. (15 markah)
- S3** Pengguna komputer sering diancam dengan pelbagai isu keselamatan yang menyebabkan kehilangan data dan kerosakan pada komputer seterusnya mengakibatkan kerugian kepada pengguna.
- (a) Terangkan dua (2) jenis ancaman terhadap keselamatan komputer. (5 markah)
- (b) Tunjukkan tiga (3) jenis kawalan keselamatan komputer yang boleh diambil bagi menangani isu keselamatan komputer. (15 markah)

BAHAGIAN C

- S1** Penggunaan peralatan teknologi maklumat banyak memberi kemudahan kepada pengguna. Namun begitu, ia juga menyebabkan kesan negatif terhadap kesihatan.
- (a) Jelaskan lima (5) kesan negatif penggunaan peralatan teknologi maklumat terhadap kesihatan pengguna. (5 markah)
- (b) Huraikan teknik-teknik yang perlu diambil bagi mengatasi masalah kesihatan dengan menghubungkan prinsip ergonomik dalam penggunaan peralatan teknologi maklumat. (10 markah)
- (c) Bincangkan ciri-ciri pengkomputeran hijau. (5 markah)
- S2** Anda bercadang untuk membuat perniagaan dengan membuka kedai *cyber cafe*. Justeru itu anda perlu merancang susun atur rangkaian komputer di *cyber cafe* tersebut.
- (a) Jelaskan maksud rangkaian komputer dan berikan dua (2) jenis rangkaian. (5 markah)
- (b) Cadangkan dengan membuat lakaran topologi rangkaian dan jenis rangkaian yang bersesuaian dengan struktur bangunan yang anda akan gunakan. (10 markah)
- (c) Bincangkan kebaikan dan keburukan topologi pokok. (5 markah)

SOALAN TAMAT